



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2004

**KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD UNTUK ANGGOTA
PERKHIDMATAN AWAM YANG DILANTIK SEBAGAI
JURULATIH PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi kemudahan cuti tanpa rekod kepada anggota Perkhidmatan Awam yang dilantik sebagai jurulatih Program Latihan Khidmat Negara.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Program Latihan Khidmat Negara mulai tahun 2004. Tujuan utama program ini dilaksanakan ialah untuk mengukuhkan semangat patriotisme di kalangan generasi muda

Malaysia, memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional serta membentuk perwatakan positif melalui pembentukan nilai-nilai murni.

3. Pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara memerlukan ramai tenaga kerja untuk dilantik sebagai jurulatih. Oleh itu Kerajaan telah memutuskan supaya mana-mana anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan yang layak atau memiliki kepakaran dalam sesuatu bidang tertentu boleh dilantik sebagai jurulatih.

PELAKSANAAN

4. Anggota Perkhidmatan Awam yang dikehendaki hadir dalam Program Latihan Khidmat Negara sebagai jurulatih boleh diluluskan cuti tanpa rekod bagi tempoh-tempoh berikut:

- i. mengikuti kursus untuk jurulatih; dan
- ii. menjalankan tugas sebagai jurulatih.

5. Tempoh cuti tanpa rekod yang boleh diluluskan oleh Ketua Jabatan bagi tujuan di atas hendaklah mengikut tempoh sebenar program tersebut diadakan dengan tambahan sehari sebelum dan sehari selepas bagi maksud perjalanan jika diperlukan.

TARIKH KUATKUASA


6. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2003.

PEMAKAIAN

7. Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada

semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa
Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

20 Januari 2004

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan